

ISTIQAAMAH menuntut umat Islam untuk melakukan ibadat dan amalan baik secara berterusan. — Gambar hiasan



Istiqamah dalam melakukan ibadah

AL-HUDA

Bersama USTAZ DR. MOHD. SUKKI OTHMAN
 shaugi02@yahoo.com
 Pensyarah Kanan UPM



SEORANG ulama salaf ditanya tentang individu yang bersungguh-sungguh dalam ibadahnya pada bulan tertentu seperti Ramadan tetapi sebaliknya pada bulan lain. Beliau menjawab: "Seburuk-buruk golongan adalah yang tidak mengenal Allah secara benar kecuali pada bulan tertentu sahaja, padahal orang soleh adalah mereka yang beribadah dengan bersungguh-sungguh pada sepanjang tahun."

Meneruskan dan beristiqamah melaksanakan ibadah menandakan amalan soleh yang dikerjakan diterima kerana apabila Allah menerima amalan seseorang hamba, Dia pasti menolong hamba itu dalam meningkatkan perbuatan baik selepasnya.

Sebahagian cerdik pandai mengatakan, pahala amal kebaikan adalah kebaikan yang ada sesudahnya.

Justeru, sesiapa yang mengerjakan kebaikan adalah dilihat berdasarkan kebaikan yang ada sesudahnya.

Sesiapa yang mengerjakan kebaikan kemudian melanjutkannya dengan kebaikan lain, maka hal itu merupakan tanda terkabulnya amalan pertama.



ALLAH mengawasi setiap perbuatan manusia pada setiap masa dan tempat. — Gambar hiasan

Demikian pula sebaliknya, jika seseorang melakukan suatu kebaikan lalu diikuti dengan yang buruk atau tidak beristiqamah dalam melaksanakannya, maka hal itu merupakan tanda tertolaknyanya amal yang telah dibuat.

Kalau diperhatikan sikap dan tabiat dalam masyarakat kita khususnya orang Melayu beragama Islam, maka akan didapati bahawa mereka hanya akan menghormati tempat-tempat atau masa-masa tertentu.

Sebagai contohnya, sekiranya terpaksa menghadiri perbicaraan di Mahkamah Syariah, maka mereka akan memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat tetapi, apabila keluar sahaja dari pekarangan mahkamah, maka aurat kembali didedahkan.

Begitu juga trend mengadakan upacara akad nikah di masjid. Pengantin dan tetamu yang hadir akan berpakaian menutup aurat ketika berada di dalam masjid.

Namun, apabila selesai sahaja akad nikah dan masing-masing sudah keluar dari masjid, maka persoalan aurat sudah dilupakan.

Kewajipan

Apakah mereka menyedari bahawa Allah yang mengawasi gerak-geri dan perbuatan manusia bukan sahaja melihat telatah manusia di dalam masjid, bahkan Allah mengawasi seluruh perbuatan manusia pada setiap masa dan tempat.

Justeru, menjadi suatu kewajipan kepada kita untuk kembali bermuhasabah dan menilai sejauh manakah kefahaman dalam melaksanakan perintah Allah.

Sekiranya amalan yang dilakukan itu tidak disandarkan kepada ilmu pengetahuan dan kefahaman yang cukup, maka dibimbangi amalan baik yang dilakukan itu tidak dikira sebagai ibadah di sisi Allah, sebaliknya ia merupakan 'adat'

semata-mata.

Budaya ikut-ikutan tanpa ilmu dalam masyarakat perlu dibanteras dan ditangani segera kerana ia merupakan salah satu faktor penghalang kepada istiqamah dalam pengabdian diri kepada Allah.

Istiqamah merupakan sesuatu yang sukar, namun ia amat bermakna dalam kehidupan seseorang kerana ganjaran bagi mereka yang beristiqamah dalam melaksanakan amalan soleh ialah syurga.

Firman Allah dalam surah al-Fussilat ayat 30 bermaksud: "Sesungguhnya orang yang menegakkan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul (beristiqamah), akan turunkah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu."

Nabi Muhammad SAW telah ditanya oleh seorang sahabat: "Wahai Rasulullah! Katakanlah kepadaku satu perkataan tentang Islam yang aku tidak perlu bertanya kepada orang lain." Rasulullah bersabda: "Ucapkanlah 'aku beriman kepada Allah' kemudian beristiqamahlah." (hadis riwayat Muslim).